

06 DEC 2002

Mahathir-Raya (Bergambar)/I

BERIBU-RIBU KUNJUNGI DR M DI RUMAH TERBUKA TERAKHIR SEBAGAI PM

Oleh: Paramjit Kaur

PUTRAJAYA, 6 Dis (Bernama) -- "Ini peluang terakhir bagi saya untuk bertemu dengan beliau sebagai Perdana Menteri," kata seorang pelawat di rumah terbuka Aidilfitri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Seri Perdana di sini, hari ini.

Ekskutif Jualan dan Pemasaran Yip Weng Cheong, 35, berkata satu-satunya sebab beliau datang pada tahun ini untuk melawat Dr Mahathir ialah kerana Perdana Menteri akan bersara pada tahun depan.

Dianggarkan lebih kurang 100,000 pelawat dari semua peringkat umur datang ke Seri Perdana tanpa menghiraukan panas terik matahari.

Mereka mula berbaris seawal pukul 7 pagi untuk memastikan mereka dapat peluang untuk bersalaman dengan Dr Mahathir dan mengelakkan kesesakan. Pintu masuk ke Seri Perdana hanya dibuka pada pukul 9 pagi.

"Ini Hari Raya yang cerah, semua orang nampak gembira. Ini sudah pasti rumah terbuka terakhir bagi saya di Putrajaya," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas bersalaman dengan para hadirin selama lebih empat jam.

Dr Mahathir juga akan mengadakan rumah terbuka berasingan bagi orang-orang kenamaan di Seri Perdana di sini, esok.

Bagimanapun, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali berkata mereka akan tetap meneruskan tradisi rumah terbuka Hari Raya walaupun selepas berpindah daripada kediaman rasmi Perdana Menteri.

"Saya lebih suka rumah yang lebih kecil. Rumah ini terlalu besar untuk saya," kata Dr Siti Hasmah.

Antara mereka yang datang ke rumah terbuka itu ialah Menteri-menteri Kabinet, para pemimpin parti politik, tokoh-tokoh korporat dan orang-orang kenamaan dari luar negara.

Barisan Kemajuan India Se Malaysia (IPF) meneruskan tradisi mereka dengan mengunjungi rumah Perdana Menteri bersama lebih kurang 300 daripada anggotanya dengan pakaian rasmi parti itu diketuai oleh presidennya Datuk M.G. Pandithan.

Mereka dengan baju merah turut mengalungkan bunga pada Dr Mahathir dan menyampaikan sebai berwarna emas.

Seorang lagi pelawat, penyelia elektronik dari Pelabuhan Klang M.Subramaniam berkata ini kali pertama beliau datang ke rumah terbuka Dr Mahathir. Beliau datang untuk mengucapkan selamat tinggal sebelum Dr Mahathir berundur daripada jawatan Perdana Menteri.

Pegawai Pemerolehan Balwant Singh dari Banting datang untuk mengucapkan Dr Mahathir "Selamat Hari Raya" selepas dipujuk oleh anak-anaknya yang mahu berjumpa dengan Perdana Menteri.

Di lobi pintu masuk kediaman rasmi Perdana Menteri dipaparkan kad-kad Hari Raya daripada rakyat jelata yang mengucapkan "Selamat Hari Raya" kepada Perdana Menteri.

Juga kelihatan satu kad besar dalam kedudukan menegak di lantai lobi itu yang dihantar oleh guru-guru dan pelajar SK Putrajaya di sini bagi Dr Mahathir.

Para pelawat selepas bersalaman dengan Dr Mahathir diberikan bekas plastik yang mengandungi kuih-kuih Raya.

Sementara itu di Kuala Lumpur, rumah terbuka Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang bermula pada pukul 2 petang ini menarik kedatangan beribu-ribu orang.

Jumlah hadirin dianggarkan mencapai lebih 15,000 orang dalam dua jam pertama dengan mereka berbaris dari luar bangunan PWTC untuk masuk.

Mereka yang datang bukan sahaja warga Malaysia tetapi juga pelancong asing yang mengambil kesempatan untuk meninjau sendiri tradisi Rumah Terbuka Malaysia.

Abdullah menyambut para tetamu di pintu masuk Dewan Tun Ismail, di mana majlis rumah terbuka itu diadakan.

-- BERNAMA

PK AT RV PR